

19 FEB 2001

DAP TIDAK MAHU AMERIKA SYARIKAT SERTAI LIMA 2001

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang hari ini berkata Malaysia patut membatalkan jemputan ke atas Tentera Udara Amerika Syarikat (USAF) daripada menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) 2001 sebagai bantahan terhadap serangan udara Amerika Syarikat dan Britain dekat ibu negara Iraq.

Lim dalam satu kenyataan berkata daripada bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk menamatkan sekatan terhadap Iraq, Bush yang mengambil alih jawatan sebagai presiden, sebaliknya memutuskan tindakan tentera bagi menunjukkan beliau juga ganas seperti bapanya.

Menurut Lim beliau difahamkan bahawa panganjur LIMA telah mengumumkan bahawa skuadron aerobik udara USAF yang terkenal, Thunderbirds, telah menerima jemputan pameran pertahanan LIMA untuk melakukan adegan ngeri, menjadikan penyertaan pertama USAF dalam acara itu.

"Kerajaan Malaysia mesti menghantar isyarat jelas kepada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush bahawa USAF tidak diperlukan pada LIMA selepas serangan udara pengecut terhadap Iraq dalam tindakan kejam ke atas kemanusiaan dan undang-undang antarabangsa," kata Lim.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyuarakan kekecewaan beliau terhadap serangan udara Amerika Syarikat-Britain di pinggir bandar Baghdad.

-- BERNAMA  
NHA AHH LAT